

# Kementerian Kesihatan adakan Majlis Tahlil



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (dua, kiri) semasa mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah di Kubah Makam Diraja.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Jun. - Dalam mengimarahkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Acara keagamaan yang dihadiri oleh 200 orang tersebut dikhususkan bagi paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Hadir mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dipimpin bersama oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Haji Idris bin Haji Abdul Rashid dan Pegawai Pelajaran Ugama, Hospital RIPAS, Awang Haji Kamis bin Haji Damit.

Majlis seumpama itu merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kesihatan yang dikelolakan oleh Pejabat Pentadbiran, Kementerian Kesihatan bagi mengeratkan lagi hubungan antara pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle; ketua-ketua fungsi serta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

# Tingkatkan tekad perbanyakkan amalan



SETIAUSAHA Tetap (Prestasi), Kementerian Kewangan, Dayang Norliah binti Haji Kula hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas sempena Bulan Ramadan 1438 Hijrah / 2017 Masihi.



DEKAN Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu (kanan) selaku penceramah jemputan di Majlis Ceramah Khas sempena Bulan Ramadan 1438 Hijrah / 2017 Masihi anjuran Kementerian Kewangan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Khamis, 1 Jun. - Bulan Ramadan adalah bulan pembawa pelbagai rahmat dan umat Islam diseru agar meningkatkan iman dan amalan pada bulan ini demi meraih ganjaran pahala yang banyak.

Salah satu amalan ialah dengan membaca Al-Quran kerana ia akan memberi syafaat di hari kiamat nanti.

Demikian antara inti pati Ceramah Khas 'Tekad dan KPI Ramadan' yang disampaikan oleh Dekan Fakulti

Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu selaku penceramah jemputan pada Majlis Ceramah Khas sempena Bulan Ramadan 1438 Hijrah / 2017 Masihi bagi para pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, di sini.

Menurut Dr. Lilly Suzana lagi, kita

perlu meningkatkan tekad untuk sentiasa memperbanyakkan amalan dan benar-benar ingin melakukan kebaikan serta mengharap reda Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk mencapai perkara tersebut tambahnya, seseorang itu perlu mempunyai niat yang ikhlas, di samping menguatkan azam untuk mengelakkan diri daripada berkata yang kurang mendatangkan faedah ataupun yang sia-sia.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Prestasi), Kementerian Kewangan, Dayang Norliah binti Haji Kula.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Prestasi dan Compliance), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan wanita yang beragama Islam di Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, para pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di surau kementerian tersebut.

**KITA perlu meningkatkan tekad untuk sentiasa memperbanyakkan amalan dan benar-benar ingin melakukan kebaikan serta mengharap reda Allah Subhanahu Wata'ala.**

**Untuk mencapai perkara tersebut tambahnya, seseorang itu perlu mempunyai niat yang ikhlas, di samping menguatkan azam untuk mengelakkan diri daripada berkata yang kurang mendatangkan faedah ataupun yang sia-sia.**

## Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi) dikenali sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi dan Pembangunan)

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Jun. - Pada menjunjung tihah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pementah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), peranan-peranan dan tanggungjawab Jabatanarah

Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja akan digabungkan di bawah bidang kuasa Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi) dan tarikh pemindahan tersebut berkuat kuasa mulai 1 Jun 2017.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pertahanan itu, lantikan Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi) sekarang dikenali sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan.